

3.14 MEMBUKA SEMULA KEMASUKAN PEPERIKSAAN

Apabila sesuatu peperiksaan telah ditutup, analisis dan cetakan keputusan dapat dibuat. Markah tidak lagi dapat dimasukkan atau diperbetulkan. Pelajar yang baru daftar selepas peperiksaan ditutup tidak akan disenaraikan dalam peperiksaan berkenaan. Pelajar yang berhenti pula tetapi telah mengambil peperiksaan berkenaan akan terus berada dalam peperiksaan berkenaan.

Secara umumnya, peperiksaan yang telah ditutup tidak boleh dibuka lagi. Tetapi bagi kes yang benar-benar kecemasan, ia boleh dibuka semula tetapi dengan syarat-syarat berikut :

- (a) Cetakan keputusan pelajar belum diedarkan kepada pelajar-pelajar
- (b) Peperiksaan berkenaan baru sahaja ditutup iaitu belum ada pelajar baru didaftarkan selepas itu
- (c) Jangan ubah pengredan kerana ia akan menjejaskan tingkatan lain dalam kategori yang sama yang telah ditutup.

Peperiksaan berkenaan akan dibuka bagi tingkatan berkenaan sahaja dan tidak melibatkan tingkatan yang lain walaupun pada kategori yang sama.

Amaran : Beberapa masalah tidak diduga juga mungkin boleh berlaku.

1. Dari **MENU UTAMA** : Klik butang **[MASUK MARKAH]** atau terus tekan [Enter]
2. Tajuk paparan : **PILIHAN PEPERIKSAAN 20XX**
Tindakan anda : Pilih peperiksaan dan sebarang kelas pada tingkatan yang dikehendaki. Sebagai contoh, anda mungkin memilih UJIAN BULAN FEBRUARI dan kelas 5SN1. Klik butang **[Pengredan, Pilihan Subjek dan Sebagainya]**
3. Tajuk paparan : **SETTING PEPERIKSAAN 20XX**
Tindakan anda : Klik butang **[GRED SPM SEMUA KELAS (Pengurus Sistem)]**
4. Masukkan *Password Pengurus* dan tekan [Enter].
5. Tajuk Paparan : **UJIAN BULAN FEBRUARI 20XX**
Tindakan anda : Klik menu **[Setting]** dan kemudian klik **[Buka Semula Kemasukan Tingkatan 5]**. Kemasukan markah untuk tingkatan 5 bagi peperiksaan berkenaan akan dibuka semula.